



# BULETIN

JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

JULAI - SEPTEMBER 2023



# SIDANG RIDAKSI

## PENASIHAT

**Puan Ernywati Dewi Binti Abas**  
**Pengarah Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri**

## PENGERUSI

**Encik Adrian Sikajat**

## EDITOR DAN PEREKA GRAFIK

**Encik Mohd Saifuddin Bin Karim**

## PASUKAN SOKONGAN

**Puan Julita Mujim**







**MAJLIS PELANCARAN MINGGU INTEGRITI KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI SABAH DISEMPURNAKAN OLEH:**

**YB. DATUK DR. HAJI MOHD. ARIFIN BIN DATUK HAJI MOHD. ARIF, JP**  
**MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI SABAH**

**9:00 PAGI | 14 OGOS 2023 (ISNIN)**

**SABAH INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE (SICC)**







**SEKALUNG PENGHARGAAN  
DAN TERIMA KASIH**

**YBHG. DATUK ZAINUDIN BIN AMAN**

ATAS SEGALA JASA DAN KHIDMAT BAKTI SEBAGAI  
SETIAUSAHA TETAP, KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN  
INOVASI SABAH DAN SELAMAT BERTUGAS DI JABATAN  
PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH

**DARIPADA SELURUH WARGA JPKN**

JPKN.SABAH.GOV.MY | Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri



**Tahniah**

**YBHG. DATUK MOHD. HANAFIAH BIN MOHD. KASSIM**  
ATAS PELANTIKAN SEBAGAI  
**SETIAUSAHA TETAP**  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI SABAH

**IKHLAS DARIPADA WARGA JPKN**

JPKN.SABAH.GOV.MY | Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri



# AUDIT DALAM ISMS

Jabatan Teknologi Maklumat dan  
Komunikasi (JTMK), Universiti Malaysia Sabah (UMS)

2 Ogos  
2023

JPKN melaksanakan audit dalam ISMS (skop audit dalam) terhadap Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK), Universiti Malaysia Sabah (UMS), 2 Ogos 2023

Salah satu keperluan audit dalam adalah berkenaan pelaksanaan audit untuk pasukan audit dalam itu sendiri, yang perlu dilaksanakan oleh pasukan audit di luar organisasi.



Sehubungan dengan itu, JPKN telah berunding dengan pihak UMS, dan hasilnya ialah pelaksanaan audit dalam secara timbal balas, yang memastikan bahawa kedua-dua pihak JTMK, UMS dan JPKN dapat melaksanakan audit ke atas pasukan audit dalam masing-masing bagi memastikan ketelusan dan keberkesanan pelaksanaan audit dalam secara khususnya dan ISMS secara umumnya.

Untuk tujuan ini, pasukan audit ISMS JPKN yang terdiri daripada En. Edi Abd. Majid dan En. Mohd. Alvian Zaidy Abd. Sitia telah melaksanakan perkara tersebut pada 2 Ogos 2023.

Kerjasama JPKN dan UMS ini sesungguhnya adalah satu pengiktirafan terhadap kepakaran JPKN dalam aspek audit ISMS.



# MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM SABAH (ISAS)




Mesyuarat ini telah dihadiri oleh ahli mesyuarat yang terdiri daripada pelbagai agensi negeri dan persekutuan serta badan-badan berkanun di Sabah secara fizikal dan dalam talian.

Mesyuarat yang diadakan secara hibrid ini juga telah dipengerusikan secara bersama antara Ybhg. Datuk Hajah Diyanah Abdullah, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (A) dan Ybrs. Tn. Mohd Badrie bin Abd Rahim, Pengarah MAMPU Sabah.

Objektif mesyuarat ini adalah untuk membentangkan hasil keputusan penilaian projek-projek inovasi yang telah dibentang dalam Sesi Pembentangan dan Penilaian iSAS 2023 pada 10 hingga 14 Julai 2023 lepas (Anugerah Horizon Baharu KIK) dan 20 Julai 2023 (Anugerah Khas).

MAMPU Sabah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli mesyuarat yang telah memberikan komitmen tinggi untuk menjayakan program iSAS ini!





# AUDIT DALAM ISMS

## ISMS ISO/IEC 27001:2013 TAHUN 2023

21-24  
OGOS  
2023

Program tahunan ini dilaksanakan untuk menilai tahap pematuhan ISMS di Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri dan sebagai persediaan untuk audit pemantauan ISMS ISO/IEC 27001:2013 Jabatan.

Skop audit adalah: Server Hosting & Maintenance Services, Backup & Storage Services, System Development & Maintenance, Desktop Management, Helpdesk Services, Multimedia Services, dan ICT Consulting and Procurement Services.

Bahagian yang terlibat adalah Bahagian Keselamatan Siber, Bahagian Transformasi Digital, Bahagian Infrastruktur Pusat Data, Bahagian Pembangunan Aplikasi, Bahagian Pentadbiran & Pengurusan, Bahagian Operasi Teknikal, dan 2 bahagian yang baru dimasukkan ke dalam skop ISMS, iaitu Bahagian Komunikasi Korporat dan Bahagian Rangkaian.

Terdapat 9 orang auditor yang bertugas, iaitu:

Daripada Bahagian Keselamatan Siber:

- (i) Edi Abd Majid (Ketua Juruaudit)
- (ii) Bridget Lojonon
- (iii) Mohd Alvian Zaidy Abd Sitia
- (iv) Dicky Malanjun
- (v) Mohd Faizal Yunus
- (vi) Kenneth Wong
- (vii) Stevenson John (Bahagian Inovasi Digital dan Data Raya)
- (viii) Louis Tokuzip (Pasukan Inovasi Digital Kementerian Pertanian dan Perikanan)
- (ix) Jessiena Jappri (Kumpulan Sokongan ICT Jabatan Kerja Raya)



# PROGRAM INFO SHARING

24 OGOS  
2023

Bahagian Latihan dan Kompetensi telah menganjurkan satu Program Info Sharing JPKN pada 24 Ogos 2023 bertempat di Dewan Serbaguna JPKN, bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada para pegawai Jabatan tentang ekspektasi pihak-pihak yang menentukan tahap signifikan program dan projek, dan seterusnya meningkatkan peluang Jabatan menerima peruntukan kewangan yang lebih besar, justeru dapat melaksanakan program dan projek yang berimpak lebih tinggi.



3 orang KPP telah menyampaikan perkongsian pengalaman dan pengetahuan masing-masing mengenai tajuk-tajuk berikut:

KPP(IPD): Proses permohonan pembiayaan program dan projek melalui bajet pembangunan;

KPP(KS): Pengalaman memohon bajet pembangunan pada 2019 & 2023;

Pengalaman bertugas sebagai ahli panel penilai Anugerah Inovasi Sektor Awam Sabah 2023;

KPP(IDDR): Pemahaman dasar dan polisi.

Seramai 30 orang peserta telah menghadiri program tersebut.





# MESYUARAT JAWATANKUASA *CHIEF DIGITAL OFFICER* NEGERI BIL. 1 / 2023

28 OGOS  
2023

Mesyuarat Jawatankuasa CDO AKNS Bil. 1 Tahun 2023 telah diadakan di Shangri-la Hotel Kota Kinabalu pada 28 Ogos 2023. Mesyuarat ini bertujuan untuk memberikan taklimat dan penerangan kepada semua Ketua Pegawai Digital Agensi di seluruh Agensi Kerajaan Negeri Sabah mengenai peranan mereka.

Selain itu, perbincangan mengenai isu-isu dan perancangan mengenai Pendigitalan Kerajaan Negeri turut dikongsi dan dibincangkan. Ini termasuklah Taklimat Pembangunan Sistem Aplikasi Generik Agensi, Taklimat Perkongsian Data Terbuka, Taklimat Keselamatan SgCERT, Taklimat Jaringan Internet bagi Kerajaan Negeri, Taklimat Kursus-kursus dan Latihan berkaitan Pendigitalan, serta Taklimat Pengurusan Laman Web Bayu.





# SIMULASI PEMULIHAN BENCANA ICT 2023 (ICT DISASTER RECOVERY (DR) DRILL 2023)

9 Sept  
2023

Selaras dengan keperluan pensijilan Information Security Management System (ISMS ISO/IEC 27001) Jabatan, dan sebagai sebahagian daripada pelaksanaan Pelan Kesenambungan Perkhidmatan / Pemulihan Bencana, Simulasi Pemulihan Bencana ICT 2023 (ICT Disaster Recovery (DR) Drill 2023) telah dilaksanakan pada 9 September 2023, yang melibatkan 50 orang pegawai di 8 lokasi di seluruh negeri. Program ini juga turut disertai oleh pihak SabahNet Sdn Bhd. Tahun ini merupakan kali ke-7 aktiviti ini dilaksanakan, dan merupakan simulasi penuh, iaitu semua sistem aplikasi yang diuji menggunakan pautan (alamat) yang sebenar. Sebanyak 11 sistem aplikasi kritikal telah diuji dengan jayanya.



Program tahun ini dihadiri oleh Ybng. Datuk Mohd. Hanafiah bin Mohd. Kassim, Setiausaha Tetap Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah dan para pegawai daripada Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Perhutanan, untuk menyaksikan sendiri bagaimana pengaktifan Pelan Pemulihan Bencana ICT dilaksanakan.





13/9/2023 Seminar ICT Sektor Awam Negeri Wilayah Pedalaman Bawah bertemakan Inovasi Digital Pemacu Ekonomi yang Mampan. Dirasmikan oleh YB Datuk Harun Durabi, Pembantu Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah.

Tujuan Seminar ini adalah:

1. Memberi pendedahan dalam memperkenalkan idea-idea baharu berkenaan teknologi terkini yang berpotensi untuk digunakan di agensi.



2. Mengembangkan budaya pembelajaran berterusan bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap positif terhadap penggunaan ICT dan inovasi digital.

3. Membantu meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan menjayakan inisiatif Kerajaan memaju ekonomi digital.

4. Memberi peluang kepada pegawai-pegawai yang bertugas di agensi kerajaan khususnya di sekitar wilayah pedalaman bawah untuk berkumpul dan mengeratkan lagi hubungan kerja bagi berbincang dan mewujudkan kerjasama strategik sesama agensi dalam aspek penyampaian perkhidmatan Kerajaan Digital.





# PROGRAM FIT INTEGRITI

16 OGOS 2023



Masa	Perkara
07:00 PAGI	KETIBAAN URUS SETIA
07:30 PAGI	KETIBAAN PESERTA PERTANDINGAN
08:00 PAGI	BERKUMPUL DAN SESI TAKLIMAT DARIPADA URUSSETIA
08.30 PAGI	PERTANDINGAN BERMULA
12:30 TENGGAHARI	REHAT/SOLAT/MAKAN TENGGAHARI
2:00 PETANG	SAMBUNG PERTANDINGAN
5:00 PETANG	ACARA SELESAI

Kelab Sukan Dan Rekreasi Komputer - Kesiter telah mengadakan Program Fit Integriti (Pertandingan Bola Tampar) sempena Minggu Integriti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah bagi tahun 2023 pada 16 Ogos 2023 bertempat di Gelanggang Bola Tampar, Perpustakaan Negeri Sabah. Seramai 60 orang peserta daripada Agensi-agensi di bawah KSTI telah ikut serta dan menjayakan program tersebut.

Tahniah kepada semua yang terlibat dalam usaha ini! Kesungguhan dan ketekunan anda dalam menantikan hasil hingga malam menunjukkan komitmen dan semangat yang tinggi. Walaupun berada dalam situasi yang mencabar, anda tetap teguh dalam menanti. Keputusan ini menunjukkan bahawa kita semua adalah pemenang dan kita tetap memegang integriti dalam usaha kita. Semoga usaha ini membawa manfaat dan kejayaan kepada semua yang terlibat!





Sabah Net as well as KESITER-JPKN, the organisers of CSR Blood Donation Campaign 2023 (in conjunction with Integrity Week for Ministry of Science, Technology and Innovation Sabah), would like to extend our sincerest and heartfelt appreciation to all the generous donors (staff and family members) - you are the unsung heroes/heroines in our community. Thank you for being the beacon of hope for those in need. We managed to collect 55 pints to assist QEH in replenishing their blood bank!

Well done and kudos to committee team, doctors and medical personnel of Queen Elizabeth Hospital (QEH), and those who helped along the way! Your contribution has made this event a success!

Last but not least, we would like to thank our generous sponsors for this programme; K2 Lifewater, Tritonic Isotonic Drink, Isro Trading, and Elegant Aspire. Thank you for standing with us in our mission to save lives and for being an integral part of this event. We are truly grateful for your support!

We are looking forward to make next year's blood donation initiatives a resounding success! See you again next year!







27/08/2023 Kedudukan terkini setiap rumah sukan setakat September 2023

## Pertandingan Badminton 29 Julai 2023



### Keputusan Acara Badminton:

CHAMPION = YELLOW TEAM (3 points)

2ND PLACE = RED TEAM (2 points)


3RD PLACE = BLUE TEAM (1 point)





# Pertandingan Karom dan Dart

11 Ogos 2023



Keputusan Acara Dart:

**MATCH WON:**

**CHAMPION = BLUE TEAM (3 points)**

**2ND PLACE = RED TEAM (2 points)**

**3RD PLACE = YELLOW TEAM (1 point)**



Keputusan Acara Karom:

**MATCH WON:**

**CHAMPION = BLUE TEAM (3 points)**

**2ND PLACE = YELLOW TEAM (2 points)**

**3RD PLACE = RED TEAM (1 point)**

## E-SPORT MOBILE LEGENDS

25 Julai 2023



Keputusan Acara Esport Mobile Legend:

**MATCH WON:**


**CHAMPION = RED TEAM (3 points)**

**2ND PLACE = BLUE TEAM (2 points)**

**3RD PLACE = YELLOW TEAM (1 point)**







# Pertandingan Boling

22 September 2023




## MATCH WON:

CHAMPION = YELLOW TEAM (3 points)

2ND PLACE = BLUE TEAM (2 points)

3RD PLACE = RED TEAM (1 point)





**JABATAN PERKHIDMATAN  
KOMPUTER NEGERI**



**WWW.JPKN.SABAH.GOV.MY**

**Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri,  
Tingkat 6 & 7, Blok A, Menara Kinabalu,  
Jalan UMS, Teluk Likas, 88400,  
Kota Kinabalu, SABAH**

